

Headline	Hari Kebajikan Allianz beri sinar kehidupan kembali masyarakat		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	20 May 2016	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M8	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	709 cm ²
Journalist	HOME	AdValue	RM 3,633
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 10,899



Hari Kebajikan Allianz beri sinar kehidupan kembali masyarakat

SEJAK tiga tahun lepas, Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (Allianz Life) menganjurkan Hari Kebajikan Allianz dalam melaksanakan Tanggungjawab Kebajikan Sosial (CSR) sekali gus memberi sinar cahaya kepada badan-badan yang memerlukan.

Allianz Life bersama-sama dengan pasukan agensi memberi kembali kepada masyarakat dengan melakukan sesuatu yang lebih baik dalam masa satu hari.

Pada tahun ini, Hari Kebajikan Allianz yang diadakan baru-baru ini bersama 90 agensi bergabung dengan Allianz Life menyertai inisiatif ini dalam menguruskan kebajikan dan berbakti kepada mereka yang kurang bernasib baik.

Dalam memperingati Hari Kebajikan Allianz, setiap agensi digalakkan untuk memilih satu aktiviti saluran kebajikan sama seperti tahun sebelumnya.

Pada tahun ini, ejen memilih saluran yang melibatkan pena-

anaman pokok, derma darah dan melawat rumah anak yatim serta rumah orang tua.

Selain itu, ejen dari CP Ardent Advisory Sdn Bhd, Edge Solution Wealth Advisory Sdn Bhd, PGA Prorisk Sdn Bhd, Sew Wealth Advisory Sdn Bhd dan Tan Kiau Gark Agency menanam sejumlah 126 anak pokok daripada jenis Dipterocarpaceae di **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**

Dipterocarpaceae adalah pokok-pokok hutan hujan tropika tanah rendah yang berfungsi bukan sahaja untuk menyediakan habitat untuk flora fauna yang lain tetapi dapat menjadikan alam sekitar lebih mapan.

Pada masa yang sama, penanaman anak pokok Dipterocarpaceae itu juga merupakan simbolik 126 tahun kewujudan Allianz.

Dalam menjayakan aktiviti CSR itu, Ketua Pegawai Eksekutif Allianz Life, Joseph K. Gross dan Ketua Pegawai

Jualan, Ong Pin Hean turut menyertai ACP Agensi membuat lawatan ke pusat penjagaan Kanak-Kanak Cacat Taman Megah, sebuah pusat penjagaan kanak-kanak kurang upaya.

Malah, ejen menghabiskan masa berbual dengan anak-anak serta warga emas, membantu membaik pulih kediaman serta menggantikan perabot lama dan barangan elektrik dengan yang baru di rumah kebajikan tersebut.

Di samping itu, pasukan ejen juga menyerahkan barang-barang keperluan harian seperti makanan yang tidak mudah rosak dan peralatan mandian serta pelbagai sumbangan lain.

Bukan itu sahaja, ejen juga menganjurkan konsert mini, permainan yang menyeronokkan dan juga aktiviti luar bilik sekali gus dapat menghiburkan penghuni di rumah kebajikan itu.

"Ia adalah sangat penting untuk kita sebagai sebuah enti-

ti korporat memberi kembali kepada masyarakat bahawa hidup ini sentiasa ber-ubah-ubah dan kadang-kadang kita lupa untuk menghargai perkara kecil dalam kehidupan, perkara yang mudah seperti meluangkan masa kita untuk orang lain atau mendengar masalah seseorang.

"Allianz Life di sini bukan sahaja berkhidmat kepada pelanggan dan menyediakan nilai terbaik untuk pelanggan kami, tetapi kami juga berada di sini melihat perubahan dalam dunia.

"Menyertai aktiviti ini merupakan satu pengalaman yang baik.

"Ia membolehkan kita untuk melakukan sesuatu kebaikan dan membolehkan kita berhubung dengan orang yang dilupakan.

"Dan tenaga agensi kami yang turut serta dalam usaha ini menjadi ia sesuatu yang istimewa dan kami berharap untuk meneruskannya pada setiap tahun," jelas Ong.

Headline	Hari Kebajikan Allianz beri sinar kehidupan kembali masyarakat		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	20 May 2016	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M8	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	709 cm ²
Journalist	HOME	AdValue	RM 3,633
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 10,899



Ejen dari LYS Agency Sdn Bhd dan S Agency Sdn Bhd bergabung untuk memberi sinar bahagia di Rumah Hope ketika menyertai Hari Kebajikan Allianz.



Sebanyak 126 anak pokok Dipterocarpaceae ditanam di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sekali gus menjadi simbolik 126 tahun kewujudan Allianz.